



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

MOSTI LANCAR SISTEM *E-TICKETING* PUSAT SAINS NEGARA (PSN)

KUALA LUMPUR, 20 Julai 2023 - YB Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, hari ini melancarkan perkhidmatan pembelian **tiket dalam talian** atau e-Ticketing Pusat Sains Negara (PSN) bertempat di Pusat Sains Negara.

Sistem *e-Ticketing* PSN dibangunkan menggunakan gerbang pembayaran *real-time payment platform* (RPP) daripada syarikat Payment Network Malaysia (PayNet). Untuk makluman, Sistem *e-Ticketing* PSN **merupakan sistem yang terawal yang menggunakan platform RPP dalam agensi kerajaan.**

Sistem ini bukan sahaja dapat diakses dan digunakan melalui pelayar sesawang (web browser), malahan pengguna juga dapat membeli tiket melalui aplikasi yang dimuat turun menerusi gerbang Google Play Store dan App Gallery Huawei. Manakala di gerbang Apple App Store akan diintegrasikan dalam masa terdekat.

Pada masa kini perkhidmatan Sistem e-Ticketing hanya menawarkan perbankan internet dan e-dompet (e-wallet) sahaja. Kaedah bayaran melalui kad debit dan kad kredit pula sedang diintegrasikan dalam masa yang terdekat bagi memudahkan semua pengguna sistem.

Bermula 18 Julai 2023, pengunjung boleh melayari www.psn.gov.my atau memuatnaik aplikasi dalam talian *e-Ticketing* PSN di *Google Play Store* atau *App Gallery Huawei* bagi membuat pembelian tiket kemasukan. Sistem ini kini memberikan kemudahan dan memudahkan pengunjung untuk membeli tiket dalam talian dengan lebih mudah, menjimatkan masa dan di mana sahaja menggunakan peranti mudah alih masing-masing.

Pembangunan Sistem *e-Ticketing* PSN ini sejajar dengan penerimgunaan teknologi baharu (*emerging technologies*) seiring dengan transformasi digital sektor awam. Ia juga bertepatan dengan **Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021 – 2025** yang telah menggariskan halatuju strategik pelaksanaan pendigitalan sektor awam sebagai panduan bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang mampan ke arah membentuk masyarakat digital.

Turut hadir semasa majlis ialah YBhg. Datuk Ts. Dr. Haji Aminuddin Bin Hassim, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman Bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) MOSTI, YBrs. Ruziah Binti Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) MOSTI, dan YBrs. Puan Mismah Jimbun, Pengarah Pusat Sains Negara.

#TAMAT#

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
20 JULAI 2023**

Kit Media :

https://drive.google.com/drive/folders/1gs5qNQJN6a_GOfu9-2Dw3aj6fvM3M_1C?usp=sharing

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Muhammad Ramzan Tasnim
Timbalan Pengarah (Pengurusan)
Pusat Sains Negara
(019-5661705)

Hafizah Kher
Pegawai Perhubungan Awam
Pusat Sains Negara
(017-2156862)

Tentang Pusat Sains Negara (PSN):

Pusat Sains Negara telah ditubuhkan dibawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1996 dengan matlamat melahirkan generasi penyumbang dalam bidang sains dan teknologi, sekaligus membina masyarakat yang berbudaya sains. PSN juga merupakan sebuah institusi yang menerapkan pembelajaran dan pengajaran sains tidak formal. Untuk maklumat lanjut dan maklumat terkini, sila layari laman sesawang berikut www.psn.gov.my